

Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Robert Glaser. 1962. Psychology and instructional technology. Dlm. Glaser, R.(Ed.)
Training research and education. Pittsburg : Universiti of Pittsburg.
Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah. 2017. Evidens pentaksiran sekolah dalam pengajaran Bahasa Arab
sekolah rendah. *Tesis Ph.D.* Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

SUMBANGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN KOMPETENSI GURU TERHADAP PRESTASI PENTAKSIRAN BILIK DARJAH KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Norfarahin Mohd. Zamri, PhD
farahinmohdzamri@gmail.com
Mohd. Isa Hamzah, PhD.
isa_hamzah@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Perubahan kurikulum berlaku bagi memenuhi keperluan pendidikan terkini sebagai usaha meningkatkan kualiti program pembelajaran ke arah keberhasilan murid bersaing di peringkat global. Pelaksanaan perubahan memerlukan kesepaduan semua pihak dalam organisasi sekolah sebagai pemegang taruh pelaksana kurikulum. Konteks kajian berfokus kepada perubahan pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tahap 1 sekolah rendah berdasarkan pemansuhan peperiksaan pada tahun 2019 kepada Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kurikulum Pendidikan Islam KSSR (Semakan 2017). Kajian tinjauan ini melibatkan 350 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar murid Tahap 1 di Negeri Selangor dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan data dianalisis menggunakan SPSS versi 21.0. Kajian bertujuan mengkaji sumbangan kepimpinan instruksional guru besar dan kompetensi PBD terhadap prestasi PBD kurikulum Pendidikan Islam. Melalui analisis regresi, kompetensi PBD guru lebih banyak memberi sumbangan kepada prestasi PBD berbanding kepimpinan instruksional. Kajian ini menghasilkan instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan bagi kepimpinan instruksional guru besar, kompetensi PBD guru dan prestasi PBD dalam konteks kurikulum Pendidikan Islam untuk digunakan oleh pengkaji pada masa akan datang. Kajian ini mengukuhkan amalan kepimpinan instruksional guru besar dan kompetensi PBD guru untuk melaksanakan PBD yang berkesan ke arah keberhasilan murid selaras dengan sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Kata kunci: kepimpinan instruksional; kompetensi guru; pentaksiran bilik darjah; pendidikan islam; perubahan kurikulum.

Abstract

Curriculum changes are taking place for the latest educational needs in an effort to improve the quality of learning programs towards the success of students competing globally. The implementation of change requires the integration of all parties in the school organization as implementers of the curriculum. The context of the study focuses on changes in assessment in Teaching and Learning (PdP) Level 1 primary schools based on the abolition of examinations in 2019 to the Classroom Assessment (PBD) of the KSSR Islamic Education curriculum (Revised 2017). This survey study involved 350 Islamic Education teachers who teach Level 1 students in the State of Selangor by using a questionnaire as a research instrument and data were analyzed using SPSS version 21.0. The study aimed to examine

the contribution of instructional leadership of headmasters and the competence of PBD to the performance of PBD of Islamic Education curriculum. Through regression analysis, teachers' PBD competencies contribute more to PBD performance than instructional leadership. This study produces an instrument that has validity and reliability for the instructional leadership of head teachers, teacher PBD competencies and PBD performance in the context of Islamic Education curriculum to be used by researchers in the future. This study strengthens the instructional leadership practices of head teachers and the competence of teachers' PBD to implement effective PBD towards student outcomes in line with the targets of the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013 - 2025.

Keywords: instructional leadership; teacher competence; classroom assessment; Islamic studies; curriculum changes

Pentaksiran merupakan salah satu elemen kurikulum (UNESCO, 2010) yang mengalami perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Di sekolah rendah, pentaksiran murid Tahap 1 mengalami perubahan apabila pemansuhan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun dilaksanakan bermula pada tahun 2019 (KPM, 2018). Pemansuhan peperiksaan adalah selari dengan konsep pembelajaran yang berfokus kepada pembelajaran berasaskan perkembangan murid dan membentuk nilai murid (KPM, 2018). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menggantikan orientasi peperiksaan bagi menilai pembelajaran murid. PBD merupakan salah satu komponen akademik dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dilaksanakan seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) (KPM, 2016). PBD Tahap 1 merupakan sebahagian daripada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang perlu dilaksanakan secara berterusan melalui aktiviti PBD dalam semua mata pelajaran (KPM, 2018).

Sekolah merupakan institusi formal yang bertanggungjawab melahirkan modal insan yang cemerlang (Hoy & Miskel, 2013). Hallinger (2000) merumuskan pemimpin sekolah berperanan sebagai pemimpin instruksional yang berkesan di sekolah (KPM, 2016). Kepimpinan guru besar dan kompetensi guru melaksanakan PdP sangat penting dalam mencapai kecemerlangan sekolah (Mat Rahimi, Mohd Yusri & Sakhyyah, 2017). Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap kepimpinan instruksional guru besar, tahap kompetensi PBD guru dan tahap prestasi PBD kurikulum Pendidikan Islam. Seterusnya, untuk mengenalpasti sumbangan kepimpinan instruksional dan kompetensi guru terhadap prestasi PBD kurikulum Pendidikan Islam.

Kajian melibatkan 350 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 (Tahun 1,2, dan 3) di negeri Selangor. Bagi memantapkan kualiti kemenjadian murid, perkara pertama yang dilihat adalah mengupayakan prestasi kerja guru melaksanakan pentaksiran dalam PdP kerana pelaksanaan pentaksiran mempunyai hubungan signifikan dengan kemenjadian murid (Julian & Mohd Izham, 2020). Manakala tanggungjawab pemimpin sekolah adalah memastikan guru mempunyai kompetensi untuk melaksanakan perubahan agar dapat memperbaiki tahap kualiti PdP dari semasa ke semasa (Mardhiah & Rabiatul, 2016; Tay Yong et. al, 2016).

PENYATAAN MASALAH

Prestasi PBD guru Pendidikan Islam adalah pada tahap sederhana dan memerlukan penambahbaikan (Artika & Hasmadi, 2019). Kajian Noorzeliana (2016) menunjukkan prestasi pentaksiran guru sekolah rendah adalah lebih rendah berbanding prestasi pentaksiran guru sekolah menengah. Selain itu, guru tidak mengimplimentasi pelbagai kaedah PBD untuk mengukur pencapaian objektif pembelajaran (Kalai, 2020; Noorzeliana, 2016; Tan & Husaina, 2020). Kebanyakan guru juga dilihat tidak menggunakan hasil PBD ke arah penambahbaikan PdP serta kurang melaporkan kepada ibu bapa dan murid (Norazilawati et. al, 2015). Isu ini menunjukkan PBD guru belum mencapai standard prestasi pentaksiran yang ditetapkan (KPM, 2016) dan perlu diberi perhatian kerana pelaksanaan PBD menjadi agenda utama KPM mempersiapkan generasi muda Malaysia menghadapi keperluan abad ke-21 (KPM, 2017; 2018; KPM 2019).

Masalah prestasi PBD menyebabkan prestasi akademik murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah rendah khususnya bidang Jawi dan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah (Akmariah & Sofiah, 2010; Naquiah & Jimaain, 2016; Norfarahin, 2021; Normizan, Siti Fatimah &

Zamri, 2016; Noorhayati, 2013; Nur Syamira et. al, 2017; Sapie & Mohd Borhan, 2018; Siti Fadzilah, 2016). Hal ini demikian kerana pelaksanaan pentaksiran guru mempunyai hubungan signifikan dengan kemenjadian murid dalam akademik (Julian & Mohd Izham, 2019). Masalah ini menyebabkan Tahap Penguasaan (TP) murid dalam Pendidikan Islam adalah rendah (Naquiah & Jimaain, 2016; Marshitah, Mohd Aderi & Ab Halim, 2016) kerana sebahagian besar Bahan Bantu Mengajar (BBM) ditulis dalam tulisan Jawi (Akmariah & Sofiah, 2010; Asyraf & Berhanundin, 2015; Hashim & Adi Yasaran, 2009; Nik Rosila, 2007; Norizan & Nor Azan, 2013) dan PdP dilaksanakan dalam tulisan Jawi sepenuhnya di peringkat sekolah rendah (Asmawati et. al, 2008).

Oleh itu, organisasi sekolah perlu memastikan pelaksanaan PBD yang berfokus kepada pembelajaran murid dilaksanakan secara berkesan (KPM, 2018). Namun, pihak pentadbir masih kurang keyakinan membimbing, melakukan pemantauan terhadap pengajaran guru dan kurang memberi sokongan kepada guru (KPM, 2012; KPM, 2014) walaupun telah mendapat pendedahan tentang PBS (Fakhri & Mohd Isha, 2016) khususnya PBD (Kalai, 2020). Selain itu, kompetensi guru Pendidikan Islam dari segi pengetahuan PBD berada pada tahap sederhana (Artika & Hasmadi, 2019), tidak mahir merancang aktiviti PBD dengan baik mengikut keupayaan murid (Artika & Hasmadi, 2019; KPM, 2013) dan tidak yakin dengan kepentingan amalan mentaksir murid dalam PdP (Fakhri & Mohd Isha, 2016). Guru melaksanakan PBD hanya sekadar untuk mematuhi arahan dari pihak atasan (Fakhri & Mohd Isha, 2016; Zahari et. al, 2020) tanpa memahamii tujuan sebenar PBD dijalankan (Acar-erdol & Yildizli, 2018).

Perubahan PBD murid Tahap 1 memerlukan pimpinan sekolah yang berkesan kerana amalan kepimpinan mempunyai hubungan dengan prestasi kerja guru (Julian & Mohd Izham, 2020; Supian & Khadijah, 2014). Kepimpinan instruksional mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi sekolah (Yeo & Azlin, 2017), pentaksiran (Julian & Mohd Izham, 2020; Nor Azni, 2015), meningkatkan kualiti PdPc (Wan Noor Adzmin, 2017) dan tingkah laku guru seterusnya perkembangan murid (Hallinger, 2000). Oleh itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian bagi mengkaji sejauh mana kepimpinan instruksional dan kompetensi PBD guru memberi sumbangan terhadap prestasi PBD selepas pemansuhan peperiksaan murid Tahap 1 sekolah rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menguji sejauh mana sumbangan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).
2. Menguji sejauh mana sumbangan kompetensi guru Pendidikan Islam terhadap prestasi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

SOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah kepimpinan instruksional guru besar menyumbang kepada prestasi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kurikulum Pendidikan Islam?
2. Sejauh manakah kompetensi guru Pendidikan Islam menyumbang kepada prestasi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kurikulum Pendidikan Islam?

TINJAUAN LITERATUR

Kepimpinan Instruksional


Kepimpinan secara umum merupakan proses seseorang individu mempengaruhi sekumpulan individu yang lain untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama (Northouse, 2013). Kepimpinan instruksional merupakan satu kepimpinan yang menekankan peranan guru besar dalam membangunkan kurikulum ke arah keberhasilan sekolah. Kepimpinan instruksional merupakan model kepimpinan yang memberi impak besar terhadap pembelajaran murid (Hallinger, 2011; Hussein, 2016). Dalam konteks

pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) telah menetapkan kepimpinan guru besar di sekolah adalah berdasarkan kepada gaya kepimpinan instruksional yang relevan diamalkan di sekolah dalam membantu mendepani perubahan kurikulum (Hussein, 2016; KPM, 2016; Siti Nur Aaisyah & Jamalul Lail, 2017).

Guru besar sebagai pemimpin instruksional perlu mengurus pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan pembelajaran yang mampu menggalakkan budaya belajar dalam kalangan murid. Kepimpinan instruksional merupakan gaya kepimpinan relevan diaplikasi dalam urusan pentadbiran sekolah (Hallinger & Wang, 2015; Jeffri, Azlin & Aida, 2019; Mat Rahimi & Mohd Yusri, 2015; Nor Azni, 2015; Nor Azni, Foo, Soaib & Aminuddin, 2014; Rusmini & Ku Ahmad, 2006; Yeo Pei Chyi & Azlin, 2017). Kepimpinan instruksional berupaya membantu guru besar menghadapi perubahan dalam bidang pendidikan terutama aspek kurikulum dalam abad ke-21 (KPM, 2003; 2016; 2018). Kepimpinan merupakan arahan, ketetapan dan pengaruh seorang pemimpin kepada kumpulan tertentu untuk mencapai matlamat (Hoy dan Miskel, 2008) manakala instruksional ialah kaedah, strategi dan tingkah laku semasa proses pemudahcaraan memimpin. Kepimpinan instruksional mampu membentuk kepimpinan berkualiti untuk dalam mendepani pelbagai cabaran dan keperluan masa kini di peringkat sekolah (Asariah, 2009).

Model Kepimpinan Instruksional

Kajian ini adalah berdasarkan Model Kepimpinan Instruksional Hallinger (2000) yang dikembangkan oleh Hallinger (Hallinger, 2003) melalui beberapa perubahan dalam yang dibangunkan secara bersama iaitu Model Hallinger dan Murphy (1985). Model ini mencadangkan tiga (3) dimensi konstruk kepimpinan instruksional dan dikembangkan kepada sepuluh fungsi kepimpinan (Hallinger 2003). Pengubah suaian tidak melibatkan perubahan dimensi dan sub dimensi tetapi melibatkan perubahan dalam bilangan instrumen yang lebih ringkas dalam melaksanakan keberkesanan kajian kepimpinan instruksional. Terdapat item yang digugurkan di bawah fungsi menggalakkan iklim sekolah iaitu menguatkuasakan piawaian akademik (Danielle & Mohd Khairuddin, 2018).



Rajah 1 Model Kepimpinan Instruksional Hallinger (2000)

Kompetensi Guru

Kompetensi didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk mencapai matlamat interaktif dalam konteks sosial khusus melalui cara yang diterima dan boleh menghasilkan kesan yang positif dengan memberikan signifikan kepada unsur lain (KPM, 2016). Losius, Mohd Khairuddin dan Rosy (2018) mendefinisikan kompetensi sebagai kebolehan seseorang menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara baik, cekap dan berkesan. Definisi ini ditambah baik kepada aspek yang lebih spesifik menepati kompetensi yang ditetapkan dalam tugas guru seperti yang dibentuk di dalam Standard Guru Malaysia (KPM, 2009). Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) menyatakan kompetensi merupakan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab dalam deskripsi tugas bagi jawatan yang disandang (KPM, 2016).

Model Kompetensi

Kajian ini mengadaptasi model kompetensi Spencer dan Spencer (1993) yang terdiri daripada 3 dimensi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan objektif kajian iaitu PBD. Kompetensi PBD merupakan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru melaksanakan pentaksiran (Zahari, 2018) yang ditetapkan oleh KPM. Kajian Zahari (2018) dilaksanakan untuk mengkaji kompetensi guru pelatih melaksanakan PBD, namun kajian ini mengkaji kompetensi guru yang bertugas di sekolah kerana terlibat secara langsung dengan perubahan PBD murid Tahap 1.

Model ini menjelaskan kompetensi terbahagi kepada dua iaitu kompetensi asas dan kompetensi pembeza. Kompetensi asas merupakan kompetensi minimum yang diperlukan untuk melaksanakan satu tugas iaitu kompetensi pengetahuan dan kemahiran. Manakala kompetensi pembeza merupakan kompetensi yang membezakan prestasi individu. Kompetensi ini melibatkan kompetensi dalaman individu seperti motif, sifat peribadi dan konsep sendiri. Oleh itu, model ini menunjukkan bahawa kompetensi juga berkorelasi dengan prestasi seseorang dalam satu tugas.

Rajah 2
Model Kompetensi Spencer & Spencer (1993)



Prestasi Pentaksiran Bilik Darjah


Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) menekankan pelaksanaan pentaksiran sebagai salah satu fokus dalam keberhasilan murid. Aspek 4.5 guru sebagai penilai merupakan salah satu peranan guru melaksanakan PBD dalam kurikulum dalam PdP meliputi fasa perancangan, pelaksanaan, perekodan, tindakan susulan dan pelaporan (KPM, 2018). Oleh itu, kajian ini berfokus kepada kualiti guru sebagai penilai dalam menentukan prestasi PBD dalam kurikulum Pendidikan Islam. Elemen tahap tindakan dan tahap kualiti digabungkan untuk dinilai sebagai prestasi PBD dalam kajian ini melalui penilaian sendiri guru. Penilaian sendiri merupakan penilaian diri terhadap prestasi seseorang untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan bagi meningkatkan hasil pembelajaran seseorang (John A. Ross, 2006; Klenowski, 1995). Hal ini adalah bertepatan dengan definisi prestasi yang dihasratkan oleh KPM (2016) iaitu perlakuan dan pencapaian kerja pegawai dalam tempoh masa tertentu bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti jabatan

Sumbangan Kepimpinan Instruksional dan Kompetensi terhadap Prestasi Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran guru mempunyai hubungan dengan kemenjadian murid (Julian & Mohd Izham, 2020) yang dihasratkan oleh KPM. Pelaksanaan PBD murid Tahap 1 bertujuan untuk mengetahui perkembangan pembelajaran murid (KPM, 2018). Organisasi sekolah sebagai sistem sosial berperanan melaksanakan perubahan melalui interaksi di antara semua komponen dalam sekolah (Hoy dan Miskel, 2013). Pemimpin sekolah berperanan sebagai agen perubahan yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan perubahan di sekolah manakala guru perlu bertindak sebagai pelaksana perubahan agar perubahan dapat dilaksanakan secara berkesan (Hoy & Miskel, 2013). Hal ini demikian kerana kepimpinan pemimpin sekolah mempunyai hubungan dengan prestasi kerja guru (Supian & Khadijah, 2014), komitmen guru (Rozila & Jamalul Lail, 2019) dan kompetensi guru (Mat Rahimi & Yusri, 2015).

Guru besar perlu berperanan sebagai kepimpinan instruksional bagi memastikan perubahan di sekolah berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan (Mat Rahimi & Yusri, 2015); Nor Azni, 2015; Rozila & Jamalul Lail, 2019). Kepimpinan instruksional merupakan gaya kepimpinan yang ditetapkan dalam sekolah di Malaysia (KPM, 2013) selaras dengan PPPM (2013-2025). Kajian ini merujuk kepada kepimpinan instruksional Hallinger (2000) yang terdiri daripada 3 dimensi iaitu mentakrif misi sekolah, mengurus program pengajaran dan membentuk iklim sekolah. Terdapat banyak kajian kepimpinan instruksional dengan perubahan pendidikan namun kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan PBD murid Tahap 1. Selain itu, kepimpinan instruksional sering melibatkan kajian berkaitan kepimpinan sahaja namun kajian ini menggunakan pemboleh ubah kepimpinan instruksional sebagai salah satu pemboleh ubah bagi kajian kurikulum Pendidikan Islam secara spesifik.

Satu kerangka konsep telah dibentuk berdasarkan model yang dibincangkan di atas. Berdasarkan Rajah 3, pemboleh ubah tidak bersandar ialah kepimpinan instruksional guru besar dan kompetensi guru manakala pemboleh ubah bersandar ialah prestasi PBD kurikulum Pendidikan Islam.



Rajah 3 Kerangka Konseptual

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*cross sectional*) iaitu kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) kerana terlibat secara langsung dengan perubahan pentaksiran KSSR (Semakan 2017). Pemilihan reka bentuk tinjauan adalah berkesan bagi mendapatkan

maklumat daripada responden yang ramai, luas dan menyeluruh (Creswell, 2012). Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP/EPRD) melalui surat kelulusan, Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras(8460) dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Rujukan: JPNS.SPD.600-1/1JL/2D.10(86). Borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka dan atas talian melalui pautan Google Form kepada Pihak pentadbir sekolah untuk diedarkan kepada guru yang terlibat.

Populasi dan Pensampelan

Populasi dalam kajian ini ialah guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 di negeri Selangor sahaja. Data diperolehi daripada pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melalui data e-Operasi pada tahun 2019. Berdasarkan rumus Krecjie dan Morgan (1970) dengan menggunakan formula $s = \frac{X^2NP(1-P)}{d^2(N-1) + X^2P(1-P)}$ (Ghazali & Sufean, 2018) iaitu $N = 2803$ dan $n = 336$. Jumlah sampel ialah 336, namun pengkaji menjadikan jumlah tersebut kepada 350 responden bagi mengatasi sebarang kekangan semasa proses mengumpul data. Pengiraan sampel adalah seperti berikut.

Intrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik secara bersemuka dan atas talian (*Google Form*) kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Selangor semasa fasa pengumpulan data. Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A maklumat demografi responden, Bahagian B kepimpinan instruksional diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen Nor Azni (2015) yang terdiri daripada 22 item. Bahagian C pula mengandungi 56 item soalan yang diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen kompetensi PBD yang dibina oleh Zahari (2018). Seterusnya, Bahagian D mengandungi 9 item soalan yang telah diadaptasi daripada instrumen Aspek 4.5 SKPMg2. Item di Bahagian A soal selidik berbentuk tertutup manakala Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D soal selidik adalah berbentuk skala likert lima mata.

Kesahan dan kebolehpercayaan

Kesahan merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrument kajian dapat mengukur apa yang ingin diukur (Mohd Majid, 2005). Kajian ini telah melibatkan enam orang pakar bidang yang telah dihubungi bagi mendapatkan pandangan, menyemak item soal selidik dan struktur bahasa. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan pula, satu kajian rintis telah dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik kepada 60 orang guru Pendidikan Islam yang memiliki ciri yang sama dengan responden sebenar.

Pekali Alpha Cronbach telah digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai alpha adalah kompetensi adalah sebanyak .987 dan prestasi PBD .924. Berdasarkan Mohd Majid (1993) dalam Ghazali & Sufean (2018), pekali kebolehpercayaan dalam penyelidikan Sains Sosial ialah lebih daripada .60 dan nilai .71 hingga .99 adalah tahap yang terbaik (71% - 99%). Berdasarkan dapatan kajian rintis, maka instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Kesahan kajian ini melibatkan sekumpulan pakar rujuk (*expert judgment*) yang mempunyai pengalaman dalam bidang melebihi lima (5) tahun dan mempunyai pengalaman yang spesifik (Akbari dan Yazdanmehr, 2017). Kebolehpercayaan kajian adalah dengan melaksanakan kajian rintis di 13 buah sekolah dalam daerah Hulu Langat yang tidak terlibat dalam kajian. Nilai pekali *Cronbach's Alpha* adalah di tahap terbaik iaitu 0.987. Data dianalisis dengan menggunakan analisis regresi linear dan pelbagai bagi mengkaji sumbangan diantara pemboleh ubah kajian. Tafsiran saiz kesan ujian regresi adalah seperti berikut.

Jadual 1
Tafsiran Saiz Kesan Ujian Regresi

Pekali	Nilai	Saiz Kesan
β	< 0.05	Sangat kecil dan tidak bermakna
	0.05 – 0.30	Kecil
	0.31 – 0.50	Sederhana
	> 0.5	Besar
R^2	< 0.02	Sangat kecil dan tidak bermakna
	0.02 – 0.15	Kecil
	0.16 – 0.30	Sederhana
	> 0.3	Besar


Sumber: Chua 2014.

Sebelum ujian regresi dilaksanakan, analisis kenormalan data dijalankan dengan menggunakan ujian kepencongan Skewness dan Kurtosis. Hasil ujian menunjukkan nilai statistik *Skewness* dan *Kurtosis* seperti dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2
Taburan Kenormalan

	Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Kepimpinan Instruksional Guru Besar	-.126	.130	-.233	.260
Mentakrifkan Misi Sekolah	-.505	.130	1.314	.260
Mengurus Program Instruksional	-.099	.130	-.297	.260
Membentuk Iklim Sekolah	-.055	.130	-.172	.260
... sambungan				bersambung...
Kompetensi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pentaksiran Bilik Darjah	-.340	.130	-.226	.260
Pengetahuan	-.546	.130	-.252	.260
Kemahiran	-.267	.130	-.225	.260
Sikap	-.459	.130	.683	.260
Pelaksanaan Pentaksiran dalam Kurikulum Pendidikan Islam Tahap Satu	-.129	.130	-.570	.260

Pemboleh ubah kajian adalah bertaburan normal iaitu mempunyai hasil ujian pemboleh ubah di antara \pm sisihan piawai. Oleh itu data kajian ini boleh digunakan untuk menganalisis regresi. Berdasarkan graf histogram *Standardized Residuals* menunjukkan sampel kajian adalah normal kerana garis lekuk pada histogram adalah berbentuk loceng untuk semua taburan data. Oleh itu, andaian kenormalan adalah dipenuhi.



Rajah 4 Ujian Kenormalan Histogram berdasarkan Standardized Residuals

Dapatan Kajian

Analisis regresi linear dilaksanakan untuk melihat sumbangan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi PBD bagi persoalan kajian 1. Dapatan adalah seperti jadual berikut.

Jadual 3

Analisis Regresi Linear Kepimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Prestasi Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	R Square (R-SQ) (R ²)	Adj R-square	K ≤0.05
Kepimpinan Instruksional Guru Besar	Prestasi Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	.164	.161	.001

Dapatan menunjukkan kepimpinan instruksional guru besar memberi hubungan yang positif dan signifikan dengan prestasi pelaksanaan PBD. Dapatan ini dibuktikan melalui keputusan R-Square adalah 0.164, Adjusted R-Square adalah 0.161 dengan nilai kepentingan (K), K= 0.001, K< 0.05. Peranan kepimpinan instruksional guru besar akan mempengaruhi prestasi pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Oleh itu, amalan kepimpinan instruksional guru besar dalam bidang memberi sumbangan yang sederhana kepada prestasi PBD kurikulum Pendidikan Islam sebanyak 16.4%.

Seterusnya, sumbangan kompetensi guru terhadap prestasi PBD bagi menjawab persoalan kajian kedua adalah seperti jadual berikut.

Jadual 4


Analisis Regresi Linear Kompetensi Guru Terhadap Prestasi Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	R Square (R-SQ) (R ²)	Adj R-square	K ≤0.05
Kompetensi Guru Pendidikan Islam	Prestasi Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	.605	.604	0.001

Keputusan R Square adalah 0.605, Adjusted R-Square adalah 0.604 dan K= 0.001, K< 0.05. Peranan kompetensi guru Pendidikan Islam akan mempengaruhi prestasi pelaksanaan PBD dalam kurikulum Pendidikan Islam. Oleh itu, kompetensi guru Pendidikan Islam dalam PBD memberi sumbangan yang besar kepada prestasi pelaksanaan PBD kurikulum Pendidikan Islam iaitu sebanyak 60.5%. Pekali regresi linear antara peranan kompetensi guru Pendidikan Islam dengan prestasi PBD

guru dalam kurikulum Pendidikan Islam adalah 0.605 dan menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang positif dengan nilai Adjusted R Square adalah 0.604. Tahap kepentingan regresi linear ini adalah 0.001 iaitu kurang daripada 0.05 menunjukkan terdapat sumbangan yang signifikan kompetensi guru Pendidikan Islam kepada prestasi PBD guru dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Seterusnya, bagi menjawab persoalan kajian ketigam data dianalisis dengan menggunakan analisis regresi pelbagai. Dapatan kajian adalah seperti dalam jadual berikut.



Rajah 5 Peratus Pengaruh Antara Pembolehubah

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, kompetensi PBD guru dilihat paling besar menyumbang kepada prestasi PBD berbanding kepimpinan guru besar. Oleh itu, semua pihak perlu memastikan setiap guru mempunyai kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan PBD. Pertama, bahagian pengurusan pendidikan khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dicadangkan untuk memberikan latihan secara khusus kepada guru untuk membuat instrumen pentaksiran formatif pada fasa perancangan, perekodan yang berterusan pada fasa merekod, melaksanakan tindakan susulan secara sistematik pada fasa tindakan susulan dan membuat pelaporan kepada ibu bapa pada fasa pelaporan yang merupakan item kemahiran yang paling rendah dalam kajian ini. Selain itu, organisasi kurikulum Pendidikan Islam yang terdiri daripada pelbagai tajuk dan bidang memerlukan guru untuk mempunyai satu dokumen khas membuat rekod transit yang spesifik agar guru dapat melaksanakan PBD secara berkesan.

Secara sendiri, guru harus berusaha untuk meningkatkan kompetensi PBD melalui aktiviti yang boleh dirujuk di Sistem Pengurusan Latihan (SPL KPM) seperti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) terbuka, latihan dan sesi pembelajaran, Peningkatan Profesionalisme Berterusan (PPB) dan *Professional Learning Community* (PLC) atau Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Terdapat banyak latihan yang boleh dimohon oleh guru dan setiap guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kreativiti (Hashimah, 2019) untuk menghasilkan PdP Pendidikan Islam yang berkesan dan pentaksiran ke arah kemenjadian murid (Julian & Mohd Izham, 2019; KPM, 2016).

Selain itu, dapatan kajian ini bertepatan dengan Hoy dan Miskel (2013) bahawa organisasi sekolah memerlukan interaksi elemen dan komponen sekolah bagi menghasilkan perubahan yang berkesan. Guru besar merupakan ketua dalam organisasi sekolah berperanan menyediakan sumber guru agar mempunyai tahap kompetensi yang diperlukan (KPM, 2016). Antaranya menyediakan keperluan yang lengkap dari segi pelaksanaan dasar, kurikulum, infrastruktur, tenaga pengajar, sumber pengajaran dan sumber pembelajaran (KPM, 2016). Kajian ini selari dengan kajian Hallinger (2008 & 2011) yang menyatakan guru besar berperanan sebagai pemimpin pengajaran yang berkesan di sekolah. Peranan yang dilaksanakan oleh guru besar dan guru secara seiring dapat memastikan kejayaan akademik murid (Mohd Yusri & Aziz, 2014) melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru secara berterusan (Hornig & Loeb, 2010).

Kesimpulan, kajian ini telah berjaya membuktikan kepimpinan instruksional guru besar dan kompetensi guru dalam PBD memberikan sumbangan yang besar dalam pelaksanaan PBD. Kepimpinan instruksional dan kompetensi guru perlu bergerak secara seiring bagi mewujudkan prestasi pelaksanaan

PBD yang berkualiti. Kajian ini menunjukkan komponen sosial saling mempengaruhi dan bekerjasama dengan perubahan yang berlaku di persekitaran (Hoy & Miskel, 2013).

KESIMPULAN

Interaksi di antara komponen pemimpin sekolah dan kompetensi PBD guru dalam organisasi sekolah dapat menghasilkan prestasi PBD yang berkualiti. Dapatan kajian ini menunjukkan kedua-dua faktor memberi sumbangan kepada prestasi PBD berpandukan peranan guru sebagai penilai yang telah ditetapkan oleh KPM dalam SKPMg2 aspek 4.5 dan guru besar sebagai pemimpin instruksional. Justeru, dimensi pelaksanaan perubahan PBD di peringkat sekolah melalui kepimpinan sekolah dan kompetensi PBD perlu dikaji untuk membantu merealisasikan prestasi pelaksanaan PBD kurikulum Pendidikan Islam yang berkualiti. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya berfokus kepada kurikulum Pendidikan Islam di negeri Selangor sahaja dan cadangan kajian lanjutan untuk melibatkan semua guru Pendidikan Islam di Malaysia.

Rujukan

- Acar-erdol, T., & Yıldızlı, H. (2018). Classroom assessment practices of teachers in turkey. *International Journal of Instruction*. 11(3), 587–602.
- Akmariah Mamat & Ismail Fakulti. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan jawi di Malaysia. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*. Indonesia: UPI & UPSI.
- Artika Rasul Sulaiman & Hasmadi Hassan. (2019). Tahap kesediaan guru pendidikan islam dalam pentaksiran dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sekolah rendah. *International Journals of Humanities Technology and Civilization*. 1(6).
- Asmawati Suhid, Kamariah Abu Bakar, Lukman Abdul Mutalib & Muhd Fauzi Muhammad. (2008). Teacher's perception towards the model of Jawi writing in Malaysian education system. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*. 3(5), 47-52.
- Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. (2015). Falsafah pendidikan jawi dalam memperkasakan tamadun islam di malaysia. *Proceedings of ICIC2015- International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Fakhri & Mohd Isha. (2016). Isu pemantauan dalam kalangan pemimpin sekolah terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*. 29 (01). 20-25. Institut Aminuddin Baki.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan. Amalan analisis kajian edisi kedua*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hallinger, P. (2000). A review of two decades of research on the principalship using the Principal Instructional Management Rating Scale. Retrieved from <http://www.leadingware.com>.
- Hashim & Adi Yasran. (2009). Pemerksaan kembali tulisan jawi. *Jurnal ASWARA*. 4 (1), 159-176.
- Hashimah Md Yusoff. (2019). Hubungan personaliti, personaliti pro aktif dan kraf kerja terhadap pemupukan kreativiti dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (2013). *Educational administration (Ninth Edit)*. New York: Mc Graw Hill Higher Education.
- Julian@ Juliana George Jettel & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Hubungan kemenjadian murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru: Penilaian pentadbir sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1), 171 – 179.
- Kalai Selvan, A. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal*,3(1),152-161.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pentaksiran Bilik Darjah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2018. Garis Panduan Pelaksanaan Mata Kredit Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Bilangan 14/2018. Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2019. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krecjie & Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*. 30, 607 – 610.
- Mardhiah Johari, Rabiatul Adawiah Ahmad. (2016). Hubungan Kualiti penyeliaan pengajaran dengan efikasi sendiri guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 3(3).
- Marshitah Mohd Aini, Mohd Aderi Che Noh & Ab Halim Tamuri. (2016). Mengenal punca kemerosotan minat pelajar terhadap pembelajaran & pengajaran pendidikan islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Rahimi Bin Yusof, Mohd Yusri Bin Ibrahim & Sakhiyyah Binti A. Rahim. (2017). Virtual Instructional Leadership and Teachers' Teaching Competency: Mediated by Communication Pattern. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*. 7(8), 96 – 108.
- Mat Rahimi Yusof & Mohd Yusri Ibrahim. (2015). Sumbangan kepimpinan instruksional maya terhadap kompetensi pengajaran guru. *3rd International Conference on Social Sciences Research*. Kuala Lumpur.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. (2016). Pengajaran jawi berkesan dalam usaha memartabatkan warisan budaya bangsa. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*. Gombak: IIUM.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam pendidikan islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam*. 22, 161-172.
- Noorhayati Hashim. (2013). Pengajaran Literasi: Membaca dan Menulis Jawi EBK3253. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noorzeliiana Idris. (2016). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam kalangan guru. Tesis Dr. Fal. UPSI.
- Nor Azni binti Abdul Aziz. (2015). Hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan komitmen untuk perubahan guru sebagai mediator dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim & Wong, W.T. (2015). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru sains. *Jurnal Pendidikan Sains Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102.
- Norfarahin Mohd Zamri. (2021). Intervensi al-Quran melalui modul hang your towel bagi meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyah. *Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. (2013). Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal*, 9(2), 28-38.
- Normizan Abang, Siti Fatimah Ahmad & Zamri Rajab. (2016). Tahap penguasaan huruf tunggal jawi dalam kalangan murid tahun satu kelas pemulihan jawi program j-qaf. Rajang: Institut Perguruan Rajang.

- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony & Dedek Febrian. (2017). Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1).
- Rozila Md. Yusof & Jamalullail Abdul Wahab. (2019). Principal's instructional leadership and its relation to teachers' commitment in high performance schools in seremban district. DOI: 10.35631/IJEPC.433009.
- Sapie Sabilan. (2018). Penggunaan kad warna jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi. *Intenational Conference on Research, Language and Education*.
- Siti Fadzilah Solkifli. (2016). Permainan ting-ting minda meningkatkan kemahiran membaca gabungan suku kata jawi dan minat murid terhadap pelajaran jawi tahun 2. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam Sekolah Rendah). Nilai: Fakulti Pengajian Bahasa Utama Universiti Sains Islam Malaysia Nilai.
- Spencer, L.M. & Spencer, S. M. 1993. *Competence at work: models for superior performance*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Tan JiaYuh & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran bilik darjah dan prestasi murid sekolah jenis kebangsaan cina di hulu langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.
- Tay Yong Choo, Yap Chin Huat, Wong Shia Ho. (2016). Kesan amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan IPGBK BL*, 13, 42-52.
- UNESCO. 1960. *Director-General of UNESCO Report*. Paris: UNESCO.
- Wan Noor Adzmin, Mohd Sabri. (2017). Pelaksanaan amalan kepemimpinan kolaboratif dalam kalangan pemimpin instruksional bagi memperkasakan pendidikan matematik sekolah rendah. Tesis Dr. Fal. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Yeo Pei Chyi & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Kepimpinan instruksional guru besar mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi sekolah. *Prosiding Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial-i (SPKS-i)*.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa & Priyalatha Govindasamy. (2020). Penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.